



**PEJABAT PERBENDAHARAAN NEGERI TERENGGANU**

**PEKELILING PERBENDAHARAAN NEGERI BIL. 1 TAHUN 2018**

Semua Pegawai Pengawal,  
Jabatan Negeri  
Terengganu.

**ANGGARAN PERBELANJAAN 2018**

**1. TUJUAN**

- 1.1 Pekeliling ini adalah untuk memaklumkan bahawa Waran Am seperti yang diperuntukkan oleh Seksyen 13 Akta Acara Kewangan 1957, telah pun dikeluarkan bagi membolehkan perbelanjaan dan bayaran dilakukan selaras dengan Bajet Negeri 2018 yang telah diluluskan.
- 1.2 Pekeliling ini juga bertujuan menggariskan panduan dan peringatan mengenai peraturan dan tindakan yang perlu diambil bagi meningkatkan kecekapan pengurusan kewangan.

**2. ANGGARAN PERBELANJAAN MENGURUS**

- 2.1. Kebenaran telah diberi melalui Waran Am Tahun 2018 bertarikh 1 Januari 2018 mengikut Seksyen 13 (2) dan 13 (3), Akta Acara Kewangan 1957, bagi pengeluaran wang sebanyak RM1,996,000,000.00 daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk membiayai perbelanjaan berikut:
  - i. Sejumlah RM94,600,000.00 diperuntukkan bagi perbelanjaan yang dipertanggungkan ke atas Kumpulan Wang Disatukan; dan
  - ii. Sejumlah RM1,901,400,000.00 diperuntukkan bagi perbelanjaan yang diluluskan di bawah Enakmen Perbekalan 2018.

- 2.2. Pegawai Pengawal adalah dibenarkan membuat perbelanjaan seperti yang diluluskan dalam Anggaran Perbelanjaan Mengurus 2017 dan diminta mengawasi perbelanjaan mengurus di bawah kawalannya supaya tidak melebihi jumlah yang telah diluluskan dalam Anggaran itu dengan mengambilkira arahan kawalan perbelanjaan di para 5 pekeliling ini.

### 3. ANGGARAN PERBELANJAAN PEMBANGUNAN

- 3.1. Kebenaran telah diberi melalui Waran Am Pembangunan Tahun 2018 bertarikh 1 Januari 2018 mengikut Seksyen 8, Akta Kumpulan Wang Pembangunan, 1966 bagi pengeluaran wang berjumlah RM823,431,440.00 daripada Kumpulan Wang Pembangunan yang dikehendaki untuk membiayai perbelanjaan bagi Butiran-butiran di bawah maksud-maksud yang dinyatakan dalam Anggaran Perbelanjaan Pembangunan 2018.
- 3.2. Pegawai Pengawal dibenarkan membuat perbelanjaan seperti yang diluluskan dalam Anggaran itu dengan mengambilkira arahan kawalan perbelanjaan di para 5 pekeliling ini. Adalah diingatkan bahawa jumlah perbelanjaan ke atas sesuatu Maksud atau Butiran tidak boleh melebihi jumlah yang diperuntukkan bagi Maksud dan Butiran itu seperti dalam Anggaran Perbelanjaan Pembangunan 2018. Jumlah yang dikeluarkan bagi setiap Maksud atau Butiran pada setiap masa tidak boleh melebihi jumlah anggaran harga projek kecuali dengan kelulusan Perbendaharaan Negeri.
- 3.3. **Bagi projek baru dan projek yang telah diluluskan tetapi belum dilaksanakan bernilai RM5 juta dan ke atas, kebenaran berbelanja hendaklah diperolehi terlebih dahulu daripada Perbendaharaan Negeri** dengan menggunakan borang PERB.01/2011 sebagaimana yang dijelaskan di perenggan 3.2 Pekeliling Perbendaharaan Negeri Terengganu Bil 1 Tahun 2011.
- 3.4. Peruntukan bagi projek-projek penting luar jangka hanya boleh digunakan selepas mendapat kelulusan daripada Perbendaharaan Negeri.
- 3.5. Pegawai Pengawal adalah bertanggungjawab memastikan penyaluran peruntukan kepada jabatan/agensi pelaksana adalah mengikut kemajuan projek bagi memastikan peruntukan yang diberi kepada agensi tersebut dibelanjakan sepenuhnya ke atas projek berkenaan. Pegawai Pengawal hendaklah memantau pelaksanaan projek dengan rapi supaya dilaksanakan mengikut jadual.

#### 4. ANGGARAN PERBELANJAAN KUMPULAN WANG PERBEKALAN AIR

- 4.1 Kebenaran telah diberi melalui Waran Am Perbelanjaan Perbekalan Air Tahun 2018 bertarikh 1 Januari 2018 mengikut Seksyen 13 (2), Akta Acara Kewangan 1957, bagi pengeluaran wang berjumlah RM3,771,314.28 daripada Kumpulan Wang Perbekalan Air bagi membiayai pengurusan dan pembangunan perbekalan air.

#### 5. PERANCANGAN DAN KAWALAN PERBELANJAAN

- 5.1. Akaun Hasil Disatukan berakhir 31 Disember 2016 adalah berbaki defisit RM95.48 juta. Manakala, Kumpulan Wang Pembangunan Negeri masih mengalami defisit yang besar berjumlah RM690.46 juta pada penutupan akaun 31 Disember 2016 seperti tahun-tahun sebelumnya kerana **ketidakupayaan hasil untuk menampung perbelanjaan**. Selaras dengan dasar Kerajaan Negeri untuk memperkukuhkan kedudukan kewangan Negeri, Kerajaan akan memastikan Negeri berada pada landasan yang betul bagi mencapai belanjawan lebihan (Surplus). **Disebabkan kedudukan ekonomi yang tidak menentu beberapa tahun kebelakangan ini, Kerajaan Negeri telah kehilangan hasil daripada Dana Khas Kerajaan Persekutuan. Sehubungan dengan itu, segala perbelanjaan akan dikawal melalui kawalan dalaman yang lebih ketat, pemotongan peruntukan, pengurangan perbelanjaan dan pada masa yang sama berusaha meningkatkan hasil.**
- 5.2. Dasar kewangan sedia ada iaitu melaksanakan perbelanjaan secara lebih berhemat, yang benar-benar perlu sahaja dan yang menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negeri dan kesejahteraan rakyat akan diteruskan dan diberi penekanan. Semua program dan projek yang dilaksanakan mestilah mampu memberi impak secara langsung kepada rakyat. Pelaksanaannya hendaklah mengikut keutamaan dengan tumpuan diberikan kepada program dan projek yang menjadi tanggungjawab sebenar Kerajaan Negeri.
- 5.3. **Pegawai Pengawal hanya dibenarkan membelanjakan peruntukan sebanyak 1/3 daripada jumlah yang diluluskan untuk setengah tahun pertama 2018 sebagaimana dipersetujui oleh Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan dan Pelaburan Bil. 1/2016 serta Mesyuarat Majlis Kerajaan Negeri Terengganu.**
- 5.4. Pegawai Pengawal hendaklah memastikan perbelanjaan awam dibuat dengan lebih cermat dan berhemat. Langkah berjimat cermat hendaklah dimulakan di peringkat perancangan lagi. Pelaksanaan aktiviti dan program yang tidak kos efektif hendaklah dielakkan sama sekali. Penganjuran majlis-majlis rasmi dan lawatan ke luar negara hendaklah dihadkan kepada yang benar-benar perlu sahaja.

- 5.5. Pegawai Pengawal adalah diminta untuk mengambil langkah-langkah meningkatkan keberkesanan perbelanjaan awam dan mengutamakan keberhasilan (*outcome*) dalam melaksanakan sesuatu program/aktiviti. Pegawai Pengawal hendaklah membuat penilaian terhadap program/aktiviti sedia ada, menyusun semula program/aktiviti mengikut keutamaan, mengelakkan pertindihan antara program/aktiviti, menghentikan program/aktiviti yang didapati tidak berkesan serta melaksanakan pengagihan semula sumber-sumber sedia ada seperti peruntukan, aset dan perjawatan.
- 5.6. Pelaksanaan sesuatu program/aktiviti/projek hendaklah selaras dengan jumlah peruntukan yang telah diluluskan. Semua perbelanjaan hendaklah dirancang dengan teliti dan dipastikan mempunyai jadual perancangan supaya tidak melebihi peruntukan yang disediakan dan mengelakkan pembaziran.
- 5.7. Pelaksanaan program atau projek di bawah tanggungjawab Kerajaan Persekutuan hendaklah dipohon daripada Kerajaan Persekutuan dan bukannya dibiayai daripada peruntukan Kerajaan Negeri. Tindakan mengambilalih peranan agensi Kerajaan Persekutuan dengan melaksanakan program/projek yang sebenarnya menjadi tanggungjawab Kerajaan Persekutuan dengan menggunakan peruntukan Kerajaan Negeri tidak seharusnya berlaku dan merugikan Kerajaan Negeri. Ini kerana peruntukan itu sepatutnya disediakan oleh Kerajaan Persekutuan dan pada masa yang sama ia menjejaskan pengagihan peruntukan negeri bagi program/projek yang menjadi tanggungjawab sebenar Kerajaan Negeri.
- 5.8. **Bagi perolehan aset**, Pegawai Pengawal hendaklah mengemukakan permohonan kepada Perbendaharaan Negeri untuk mendapatkan pertimbangan dan kelulusannya. Peruntukan secara blok vot telah disediakan untuk maksud ini di bawah kawalan YB Pegawai Kewangan Negeri. Hanya permohonan yang benar-benar perlu sahaja akan mendapat pertimbangan.
- 5.9. **Bagi perolehan kenderaan jabatan** selain daripada yang biayai oleh Kumpulan Wang Penyelenggaraan Jalan Raya, Pegawai Pengawal hendaklah mengemukakan permohonan kepada Perbendaharaan Negeri untuk mendapat pertimbangan dan kelulusannya. Peruntukan secara blok vot telah disediakan untuk maksud ini di bawah kawalan oleh YB Pegawai Kewangan Negeri.
- 5.10. **Bagi perolehan perisian dan perkakasan komputer**, Pegawai Pengawal hendaklah mengemukakan permohonan kepada Setiausaha Bahagian, Pembangunan Teknologi Maklumat Negeri Terengganu terlebih dahulu untuk mendapat kelulusannya sebelum dikemukakan kepada Perbendaharaan Negeri untuk mendapatkan kelulusan peruntukan bagi perolehan tersebut.

- 5.11. Bagi tanggungan tahun lalu yang belum dijelaskan atau pelaksanaan sesuatu keputusan baru hendaklah ditampung melalui penjimatan peruntukan tahun semasa atau dilakukan secara *trade-off* dengan program/projek sedia ada. Sebarang permohonan peruntukan tambahan adalah tidak dibenarkan melainkan dalam keadaan tertentu yang mendesak.
- 5.12. Sekiranya suatu kelulusan itu diperlukan, Pegawai Pengawal hendaklah memastikan ianya diperolehi sebelum komitmen perbelanjaan dilakukan. **Tiada apa-apa kelulusan akan diberi sekiranya komitmen perbelanjaan telah dilakukan dan pegawai atau kakitangan yang terlibat akan dipertanggungjawabkan sepenuhnya.** Tindakan surcaj boleh diambil kepada pegawai-pegawai yang tidak mematuhi arahan ini selaras dengan peraturan yang ada.
- 5.13. Bagi meningkatkan pengurusan kewangan dan akaun di agensi masing-masing, **Pegawai Pengawal hendaklah mengadakan Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun** seperti yang ditetapkan oleh 1 Pekeliling Perbendaharaan (1PP) PS5.1. Laporan lengkap termasuklah lampiran kepada Pekeliling tersebut hendaklah dihantar kepada Perbendaharaan Negeri.
- 5.14. Pegawai Pengawal adalah diminta untuk mengambil perhatian yang serius terhadap pengurusan kewangan jabatan masing-masing dan memastikan supaya teguran yang dibangkitkan di dalam Laporan Tahunan Ketua Audit Negara seperti peruntukan tidak dibelanjakan, pindah peruntukan atau peruntukan tambahan yang diluluskan tidak dibelanjakan, peruntukan dibelanjakan kurang daripada 50% dan perbelanjaan projek tanpa/melebihi anggaran harga projek/peruntukan tidak berulang.
- 5.15. Pegawai Pengawal hendaklah mematuhi Akta Tatacara Kewangan 1957, Arahan Perbendaharaan, Pekeliling dan Surat Pekeliling Perbendaharaan dan arahan-arahan yang dikeluarkan dari semasa ke semasa samada oleh Perbendaharaan Malaysia ataupun Perbendaharaan Negeri. Dalam menjalankan pengurusan perbelanjaan, Pegawai Pengawal diingatkan supaya melaksanakan tugas dan tanggungjawab seperti mana yang dijelaskan di bawah Seksyen 15A, Akta Tatacara Kewangan 1957. Pegawai Pengawal diminta bersikap tegas dan tidak ragu-ragu untuk mengambil tindakan surcaj terhadap mana-mana pegawai dan kakitangan yang melakukan kesalahan seperti yang dinyatakan di bawah Seksyen 18A Akta yang sama.

#### 5.16. Pindah Dan Tambah Peruntukan (AP 51 dan AP 52)

- (a) Permohonan yang memerlukan kelulusan YB Pegawai Kewangan Negeri boleh dibuat **antara bulan Februari hingga 30 November 2018**.
- (b) Pindahan Peruntukan dalam kumpulan objek 10000 dan 20000 boleh diluluskan sendiri oleh Pegawai Pengawal tetapi **tidak boleh lewat daripada 30 November 2018**. Satu salinan kelulusan berkenaan hendaklah disampaikan kepada Perbendaharaan Negeri.
- (c) Bagi Pindah Atau Tambah Peruntukan Yang Melibatkan Vot Pembangunan ianya mestilah mendapat kelulusan Unit Perancang Ekonomi Negeri terlebih dahulu.
- (d) Sekiranya Tambah Peruntukan dikehendaki, permohonannya hendaklah dikemukakan kepada Perbendaharaan **sebelum Ogos 2018** agar ia sempat dibawa untuk persidangan Dewan Undangan Negeri.
- (e) Kuasa Penarikan Balik Waran diberi kepada Pegawai Pengawal.
- (f) Permohonan Tambah Peruntukan melalui e-kewangan yang melibatkan Waran Peruntukan Kecil hendaklah dikemukakan **selewat-lewatnya pada 30 November 2018**, dengan dilampirkan bersama satu salinan baki terkini Laporan Harian Buku Vot bagi OSOL berkaitan.

#### 5.17. Bayaran Bil dan Tuntutan

- (a) Pegawai Pengawal hendaklah memastikan tiada tunggakan bayaran bil dan tuntutan ke atas bekalan dan perkhidmatan yang diberi oleh pembekal dan kontraktor. Semua bil dan tuntutan perlu dijelaskan dalam **tempoh 14 hari** dari tarikh bil dan tuntutan yang lengkap diterima selaras dengan Arahan Perbendaharaan 103(a).
- (b) Pegawai Pengawal juga diminta mematuhi Arahan Perbendaharaan 59 untuk menjelaskan bil yang dilakukan atas nama Kerajaan Negeri tetapi didapati tidak menepati peraturan kewangan yang ditetapkan.

#### 5.18 Bayaran di bawah AP 58(a) dan Kelulusan Khas

Pegawai Pengawal hendaklah memastikan kesemua bil-bil dan tuntutan telah disempurnakan dan tiada tunggakan bayaran dan tuntutan pada tarikh akhir pembayaran pada tahun 2018 bagi

mengurangkan permohonan kelulusan bayaran di bawah Arahan Perbendaharaan 58(a) dan kelulusan khas pada tahun berikutnya.

#### 5.19 **Pendahuluan Diri**

Permohonan Pendahuluan Diri hendaklah dikemukakan selewat-lewatnya 5 hari sebelum sesuatu program/aktiviti/ lawatan diadakan. Kelewatan dalam mengemukakan permohonan boleh menyebabkan permohonan tersebut tidak dapat diproses dalam tempoh yang dikehendaki. Sekiranya pegawai-pegawai yang memohon gagal mematuhi peraturan ini, tindakan disiplin boleh dikenakan ke atas mereka.

#### 5.20 **Pembayaran Melalui Electronic Fund Transfer (EFT)**

Bagi meningkatkan capaian, had menggunakan EFT dinaikkan sehingga RM5 juta mulai 1 Januari 2013. Jabatan dan PTJ hendaklah memastikan nombor akaun dan nama penerima bayaran adalah sama sebagaimana penyata bank penerima tersebut.

### **6. AGENSI DI LUAR BELANJAWAN**

- 6.1. Pemberian caruman yang dipertimbangkan adalah bagi menampung perbelanjaan mengurus agensi dan ia **berdasarkan kepada kewajaran dan kedudukan kewangan Kerajaan Negeri. Oleh itu, Kerajaan tidak terikat untuk memberi apa-apa caruman kepada agensi. Kerajaan juga tidak semestinya memberi caruman/bantuan kewangan mengikut kehendak bajet agensi.** Oleh itu, adalah penting bagi agensi meningkatkan kecekapannya dalam kutipan hasil dan mengurangkan kebergantungannya kepada bantuan kewangan Kerajaan Negeri. Agensi perlu membuat perancangan dan berbelanja mengikut kemampuan kewangan agensi.
- 6.2. Semua agensi yang membuat permohonan untuk mendapatkan caruman daripada Perbendaharaan Negeri hendaklah mengemukakan unjuran perbelanjaan tahun semasa, kedudukan kewangan semasa termasuk segala simpanan-simpanan di bank sama ada dalam bentuk akaun semasa ataupun simpanan tetap yang terkini.
- 6.3. Semua Agensi, Penguasa Tempatan, Badan Berkanun dan Syarikat Milikan Kerajaan Negeri hendaklah **menyediakan Penyata Kewangan Tahun 2018 mengikut tarikh yang telah ditetapkan oleh akta / enakmen masing-masing.** Satu salinan penyata kewangan yang telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah hendaklah dihantar kepada Perbendaharaan Negeri.

## 7. PENUTUP

- 7.1. Bagi memastikan pelaksanaan strategi Bajet 2018 dengan berkesan dan selaras dengan matlamat mewujudkan pengurusan keperluan aliran wang tunai negeri yang cekap, Pegawai Pengawal hendaklah merancang perbelanjaan dengan baik bagi mengelakkan *bunching payment* pada penghujung tahun serta pembayaran di bawah AP 58(a). Sehubungan ini Pegawai Pengawal hendaklah memberi fokus utama kepada pengurusan kewangan dalam organisasinya.

Sekian, terima kasih.

**“ TRANSFORMASI TERENGGANU BAHARU ”**  
**“ BERKHIDMAT UNTUK NEGARA ”**

Saya yang menurut perintah,



**( DATO' HAJI A. RAHMAN BIN YAHYA )**  
Pegawai Kewangan Negeri  
Terengganu

1 Januari 2018  
13 Rabiul Akhir 1439

s.k.:- Yang Berhormat  
Setiausaha Kerajaan  
Terengganu

Bendahari Negeri  
Terengganu

Pengarah Audit Negeri  
Terengganu

Semua Ketua Badan Berkanun Negeri  
Terengganu

Semua Pihak Berkuasa Tempatan Negeri  
Terengganu